

# Gubal akta rokok, vape bendung kegiatan tak sihat



**Vape boleh beri kesan buruk kepada penghisapnya.**

(GAMBAR HIASAN)

Pelbagai reaksi timbul dalam kalangan masyarakat selepas Kabinet memutuskan untuk tidak mengharamkan penggunaan rokok elektronik atau vape. Seperti diketahui umum, beberapa hari sebelumnya Kementerian Kesihatan (KKM) melalui Menteri berkata, kerajaan akan menimbang untuk menghamkan penggunaan vape dalam masa terdekat bagi mengelak risiko lebih buruk terhadap kesihatan pengguna.

Pada masa sama, KKM juga meneliti segala bentuk peruntukan undang-undang bagi mengatasi penggunaan vape dalam kalangan masyarakat. Pelbagai pihak ingin mendapatkan kepastian mengenai kewajaran penggunaan vape. Majlis Fatwa Peringkat Kebangsaan juga berkata akan membuat kajian mengenai isu penggunaan vape dari aspek syariah.

## Langkah proaktif tangani isu vape

Sementara menunggu sebarang keputusan lanjut dibuat Majlis Fatwa Kebangsaan mengenai isu ini, pihak berkaitan perlu mengambil langkah proaktif dan segera bagi menangani isu penggunaan dan penjualan vape. Kajian mendalam perlu dilakukan segera oleh KKM mengenai kesan atau impak penggunaan vape. Hasil kajian perlu didedahkan dengan segera supaya pihak berkaitan dapat mengambil langkah seterusnya.

KKM juga boleh melihat langkah diambil negara lain mengenai isu ini. Pendapat juga boleh diperoleh daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai isu vape. Selain aspek kesihatan, kajian juga harus dilakukan terhadap kesan pengambilan vape dari aspek ke-

wangan serta impak sosial terhadap pengguna terutama generasi muda.

Sudah pasti ramai pihak, terutama golongan ibu bapa tidak mahu anak mereka yang masih bersekolah terjebak dengan pembelian serta penggunaan vape. Walaupun sudah wujud beberapa undang-undang serta peraturan mengawal selia penyalahgunaan vape atau e-rokok di negara ini seperti Kanun Keseksaan, Akta Dadah Merbahaya 1952, Akta Racun 1952 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, namun kewujudan sebuah akta lebih khusus untuk mengawal penggunaan rokok tembakau sedia ada serta rokok moden yang mula mendapat tempat di negara ini dilihat penting bagi mengawal serta membendung aktiviti yang tidak sihat melalui aktiviti merokok.

Cadangan beberapa pihak

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: [bhforum@bharian.com.my](mailto:bhforum@bharian.com.my)

untuk mewujudkan Akta Rokok perlu disokong. Malah, kerajaan perlu segera menggubal Akta Rokok bagi mengawal serta membendung aktiviti tidak sihat melalui aktiviti merokok di negara ini.

## Elak masyarakat keliru

Ia juga penting bagi mengelak masyarakat dalam negara kita keliru mengenai sebarang isu membabitkan penggunaan rokok. Seperti disuarakan banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta persatuan pengguna, antara perkara yang perlu diberi perhatian ketika menggubal Akta Rokok ialah takrif atau definisi rokok itu sendiri.

Definisi rokok perlu diperjelaskan dengan lebih terperinci serta takrifannya juga perlu diperluaskan lagi, tidak hanya kepada rokok yang mengandungi tembakau, malah ia juga perlu termasuk rokok tanpa tembakau, shisha, e-rokok, serta yang terbaru vape. Takrif dan garis panduan bagi rokok juga penting untuk orang ramai mengetahui klasifikasi serta kedudukan sebenar rokok berkenaan.

**Dr Muzaffar Syah Mallow,**  
Universiti Sains Islam Malaysia.